

**PERDA**  
**LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG**  
**KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**  
**(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** di **Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang sahaja** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	<b>NO. SEBUTHARGA</b>	PERDA/BHT/S/17/2025
(ii)	<b>TAJUK SEBUTHARGA</b>	KERJA-KERJA PEMBAIKAN BANGUNAN DEWAN UTAMA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI INSTITUT KEMAHIRAN TINGGI PERDA (PERDA-TECH), BUKIT PANCHOR, SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG.
(iii)	<b>KELAYAKAN</b>	Gred G1 : Kategori CE:- Pengkhususan CE21
(iv)	<b>TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA</b>	24 Jun 2025 (Selasa) Jam 10.00 pagi
(v)	<b>TARIKH &amp; MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA</b>	26 Jun 2025 (Khamis, 10.00 pagi) hingga 2 Julai 2025 (Rabu, 5.00 petang)
(vi)	<b>TARIKH TUTUP SEBUTHARGA</b>	8 Julai 2025 (Selasa) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang lawatan tapak sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan Dewan Utama PERDA-TECH pada 24 Jun 2025 (Selasa, jam 10.00 pagi) dengan membawa Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) yang masih sah. Hanya Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini. Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) bermula dari tarikh 26 Jun 2025 (Khamis, jam 10.00 pagi) hingga 2 Julai 2025 (Rabu, jam 5.00 petang). Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth pada 8 Julai 2025 (Selasa) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.